

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

PENGEDARAN PRODUK ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD (“ZGTMB”) UNTUK TUJUAN PEMBAHARUAN

1. Mengapakah ZGTMB dilantik sebagai panel pengendali takaful Bank?

Pihak Bank telah melantik ZGTMB sebagai pengendali takaful kami untuk memastikan yang kami dapat sentiasa menawarkan penyelesaian kewangan yang komprehensif kepada para Pelanggan yang Dihargai kami.

ZGTMB merupakan salah satu pengendali takaful terulung di Malaysia dan mempunyai rangkaian pejabat cawangan yang luas yang merangkumi dua belas (12) lokasi di seluruh negara. Ia merupakan sebahagian daripada Zurich Insurance Group, sebuah syarikat insurans global yang diasaskan di Switzerland pada tahun 1872 yang mempunyai 53,000 orang kakitangan di lebih 210 buah negara.

2. Bagaimanakah pelantikan baharu ini akan memberi kesan kepada saya?

HLISB kini boleh menawarkan kepada anda produk takaful kebakaran dan empunya rumah/isi rumah ZGTMB bagi tujuan pembaharuan apabila sijil takaful am Hong Leong MSIG Takaful Berhad (“HLMT”) sedia ada anda tamat tempoh. Anda juga boleh memilih untuk membeli produk takaful am daripada pengendali-pengendali takaful lain di Malaysia. Sila hubungi kakitangan Jualan kami untuk bantuan.

3. Apakah perbezaan antara produk takaful kebakaran atau empunya rumah/isi rumah ZGTMB dengan produk takaful HLMT yang saya langgani sebelum ini?

- Untuk maklumat terperinci mengenai takaful kebakaran ZGTMB, anda boleh merujuk kepada <https://www.zurich.com.my/en/show-me-zurich-takaful-products/for-myself-protection/for-my-property/fire-takaful>
- Untuk maklumat terperinci mengenai takaful empunya rumah/isi rumah ZGTMB, anda boleh merujuk kepada <https://www.zurich.com.my/en/show-me-zurich-takaful-products/for-myself-protection/for-my-property/houseowner-householder-takaful>

4. Siapakah yang boleh saya hubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan perkara ini?

Sekiranya anda memerlukan sebarang bantuan atau penjelasan berkaitan perkara ini, sila hubungi:-

Hong Leong Contact Centre di 03 76268899; atau

ZGTMB Support di 03 2146 9333/335/337; atau anda boleh email kepada ZGTMB di

hongleong_banca@zurich.com.my